



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

BACAAN KALI PERTAMA RANG UNDANG-UNDANG PUSAT JAGAAN (PINDAAN) 2017

KUALA LUMPUR, 23 Oktober - Rang Undang-Undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017 dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat pada hari ini.

Pada masa ini, pusat-pusat jagaan di Malaysia dikawal selia oleh dua (2) akta iaitu Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Walaupun Malaysia mempunyai dasar khusus untuk warga emas iaitu Dasar Warga Emas Negara yang telah digubal pada 2011 untuk menjamin kesejahteraan warga emas, namun pada masa kini, tiada Akta khusus bagi penjagaan warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas memandangkan akta sedia ada iaitu Akta 506 dan Akta 586 memperuntukkan jagaan untuk semua peringkat umur.

Berikutan penggubalan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta (RUU KPJKWES) 2017 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang juga dibacakan untuk kali pertama pada hari ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersetuju agar Akta 506 juga **perlu dipinda sewajarnya (*consequential amendments*)** bagi memastikan kedua-dua Akta 506 dan RUU KPJKWES 2017 selaras antara satu sama lain dan mengelakkan sebarang pertindihan dari segi kawal selia serta penguatkuasaan kedua-dua akta tersebut.

Antara pindaan utama dalam Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017 ini adalah:

- (i) **Pindaan Seksyen 2 - Pindaan takrifan “penghuni” dengan memasukkan selepas perkataan “seseorang” perkataan “di bawah umur enam puluh tahun”** bertujuan meminda takrif “penghuni” untuk mengecualikan jagaan orang yang berumur enam puluh tahun dan ke atas yang diletakkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Wara Emas Swasta 2017.
- (ii) **Pindaan Seksyen 3 - Pindaan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta 506 tidak terpakai bagi mana-mana kemudahan**

perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta yang berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017.

- (iii) **Memasukkan Seksyen Baharu 11B** ke dalam Akta 506 untuk membenarkan pengendali pusat jagaan berdaftar menerima masuk orang yang berumur enam puluh tahun dan ke atas sebagai orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan berdaftar tertakluk dan menepati kriteria-kriteria khusus yang ditentukan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggung jawab bagi Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. Tambahan seksyen baharu ini membolehkan kelonggaran penjagaan berdasarkan kriteria yang ditetapkan misalnya untuk membolehkan pasangan suami isteri menerima penjagaan di kemudahan yang sama.

Tujuan utama Akta 506 dipinda adalah susulan daripada penggubalan RUU KPJKWES 2017. Ini adalah bagi mengelakkan sebarang pertindihan antara pelaksanaan perundangan antara Akta 506 dan RUU KPJKWES.

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, Persiaran Perdana
PUTRAJAYA
Tel: 03-8323 1088 E-mel: info@kpwkm.gov.my